



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 2 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	INCENTIVE FOR RABBIT MEAT PRODUCTION, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 BELIA DIGESA TEROKAI POTENSI TERNAK ARNAB PEDAGING, NEGARA, KOSMO -18 TRV PUSAT SEHENTI PROJEK ARNAB, NASIONAL, SINAR HARIAN -13 PENANAM JAGUNG DAPAT RM3,500 SEBULAN, KELANTAN, HAKAKAH -N12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	KELANTAN SASAR JADI PENGELUAR KELAPA, NEGERI KELANTAN, SINAR HARIAN -28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	KERAJAAN GALAK USAHAWAN MUDA TERNAL ARNAB, ONLINE, SINAR HARIAN	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	RM65 JUTA BANTU USAHAWAN MIKRO, KELANTAN, HAKAKAH -N12	AGROBANK
8. 9.	PENGGUNAAN TEKNOLOGI DRON DALAM PERTANIAN DI MALAYSIA, FOKUS, HAKAKAH -F5 TOLAK DOKTOR, TANAM CENDAWAN, LOKAL, HARIAN METRO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2020	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	4

Incentive for rabbit meat production

PERMAISURI: The Agriculture and Food Industries Ministry will continue to encourage young entrepreneurs to venture into rabbit meat production, said Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

He said the industry has great potential as demand for rabbit meat has been rising and it could be an alternative to beef and mutton as a protein source.

"There are several advantages in rabbit breeding, including its short production cycle, lower operating costs and fast, lucrative returns," he told reporters after a seminar on rabbit meat production and modern fertigation for young entrepreneurs at Peladang Setiu Agro Resort on Saturday.

"Average rabbit meat production is almost 1,000kg per month and the selling price is about RM35 per kg.

Rabbits usually weigh between 1kg and 1.6kg each and they can be slaughtered after 60 to 90 days," he said.

Meanwhile, Terengganu Veterinary Services Department director Dr Mohd Termizi Ghazali said the department and the state government would continue to support efforts in developing the industry through the implementation of several advisory services programmes as well as courses on livestock production.

"So far, we have assisted three potential farmers through the Young Agropreneur Scheme by providing them the necessary equipment, infrastructure and livestock feed amounting to RM60,000," he said. - Bernama

Belia digesa terokai potensi ternak arnab pedaging

SETIU – Golongan muda diseru meneroka potensi besar dalam penternakan arnab pedaging.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penternakan arnab itu tidak memerlukan kos tinggi dan kawasan besar, malah lebih mudah dari segi penjagaan.

Menurutnya, penternakan arnab pedaging juga memberi pulangan lebih cepat kerana haiwan itu sudah matang dan boleh dipasarkan pada usia seawal tiga bulan.

"Induknya pula produktif kerap membiak dengan menghasilkan antara enam hingga 11 ekor anak bagi setiap kelahiran.

"Harga daging arnab di pasaran juga kompetitif," katanya selepas merasmikan penutup Seminar Potensi Industri Arnab Pedaging dan Fertigasi

Moden untuk Usahawan Muda di Peladang Setiu Agro Resort, Kampung Guntung di sini kelmarin.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr. Mohd. Termizi Ghazali dan Pengerusi Lembah Arnab Terengganu, Mohd. Shahriddam Mohamed Isa.

Che Abdullah berkata, daging arnab yang sangat berkhasiat kerana kurang lemak berpotensi besar untuk menjadi sumber protein alternatif selain ayam, lembu, kambing dan ikan.

Ujarnya, kerajaan akan memberi bantuan kewangan, teknikal dan perubatan kepada penternak menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Rumah sembelihan arnab yang mempunyai sijil pengesahan halal di seluruh negara akan diperbanyakkan," ujarnya.



CHE ABDULLAH (tengah) memegang arnab pedaging sambil diperhatikan Mohd. Shahriddam (kanan) di Peladang Setiu Agro Resort, Setiu kelmarin.

TRV pusat sehenti projek arnab

Sasar jadi peneraju industri arnab di pantai timur

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SETIU

Bermula dengan hanya menernak arnab di sekitar rumah, seramai 10 penternak arnab Terengganu bergabung dan bernaung di bawah satu bumbung mewujudkan pusat sehenti bagi projek arnab yang dinamakan Terengganu Arnab Valley (TRV).

Beroperasi di Peladang Setiu Agro Resort di Setiu, TRV yang mula beroperasi secara rasmi sejak 1 Januari 2020 bukan sahaja menjadi pusat pengumpulan dan pemrosesan arnab, malah ia kini adalah antara pengeluar arnab terbesar di Terengganu.

Pengerusi TRV, Mohd Shaharidam Muhamed Isa yang merupakan pengasas dan perintis TRV berkata, idea penubuhan pusat tersebut bermula apabila melihat potensi bidang penternakan arnab yang boleh dimajukan.

"Kita berjaya himpunkan seramai 10 pemain industri yang mahir dalam bidang penternakan dan pemasaran produk hiran. Mereka telah berkemampuan dalam bidang penternakan

arnab selama tiga hingga empat tahun yang dinamakan Ahli Majlis TRV.

"Pusat kami di Setiu bukan sahaja menjadi pusat penternakan, pengumpulan dan pemrosesan arnab, malah kita juga menyediakan kursus dan kini dalam proses pembikinan untuk mini zoo yang fokus kepada penternakan arnab," katanya kepada pemberita sempena Seminar Potensi Industri Arnab Pedaging dan Fertigasi Modern di sini kelmarin.

Seminar itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Mohd Shaharidam berkata, buat masa ini TRV memiliki sebanyak 150 arnab induk dan 400 arnab pelbagai saiz.

Menurutnya, daging arnab mempunyai permintaan yang tinggi dan dijual sehingga 200 hingga 300 kilogram pada harga RM35 sehingga RM55 sekilogram pada setiap bulan, tidak termasuk penjualan arnab pembaka dan arnab induk.

"Bagi arnab pembaka, ia dijual pada harga RM100 hingga RM200 seekor, manakala arnab induk dijual antara RM100 hingga RM400 seekor mengikut standard dan spesis.

"Kami bermula pada awal tahun ini dengan kapasiti yang agak besar, namun apabila pandemik koronavirus (Covid-19) melanda, kami menghadapi cabaran lebih stok kerana terpaksa sembelih arnab yang telah matang dan disimpan dalam stok," katanya.



Che Abdullah (tengah) diberi penerangan mengenai penjagaan arnab sembil dipertingkatkan Mohd Shaharidam (dua dari kanan) di TRV, Setiu kelmarin.

Beliau berkata, pada awal penularan Covid-19 sekitar Mac dan April, pihaknya memiliki stok daging arnab yang tidak terjual antara 600 hingga 800 kilogram.

"Syukur kerana semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan, stok arnab habis terjual dalam tempoh sebulan.

"Sekarang ini, permintaan untuk daging arnab sangat tinggi khususnya dalam kalangan pengusaha sate di Terengganu dan bekalan daging juga di-

hantar ke Selangor serta Kedah," katanya.

Mohd Shaharidam berkata, antara sasaran dan misi besar TRV adalah untuk menjadi peneraju industri arnab di pantai timur, seterusnya mengeksport daging arnab ke luar negara.

Namun, katanya, bagi mencapai sasaran tersebut, mereka perlu mengikut standard yang ditetapkan dengan mendapatkan pensijilan halal.

"Disebabkan itu, TRV kini berusaha menyediakan rumah sembelihan halal mengikut spesifikasi yang ditetapkan pihak berkenaan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu.

"Kita juga berusaha menambah perintis iaitu penternak yang mengikuti kursus bersama TRV. Sehingga kini, kita ada seramai 70 perintis yang terdiri daripada penternak dari Terengganu, Kelantan dan Pahang," katanya.

Beliau berkata, menjelang akhir tahun ini, pihaknya menasaskan seramai 100 perintis yang komited untuk menghasilkan produk arnab.



Mohd Shaharidam (dua dari kanan) menunjukkan proses sembelihan arnab di TRV, Setiu kepada Che Abdullah (dua dari kiri) kelmarin.



Che Abdullah (tengah) menyampaikan sijil kepada peserta Seminar Potensi Industri Arnab Pedaging dan Fertigasi Modern di TRV, Setiu kelmarin.

Kerajaan bantu tingkat industri penternakan arnab

SETIU - Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus membantu meningkatkan industri penternakan arnab di Malaysia kerana ia mempunyai potensi besar walaupun bukan komoditi utama negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, semakin ramai penternak mula menceburi bidang penternakan arnab kerana permintaan yang tinggi sebagai alternatif kepada sumber protein selain lembu dan kambing.

"Industri penternakan arnab mempunyai potensi besar kerana selain pusingan ternakan yang singkat, kos operasinya lebih rendah dan memberi pulangan yang cepat serta lumayan.

"Kita akan bantu melalui khidmat nasihat dan kursus penternakan dengan kerjasama persatuan serta melalui Skim Agropreneur Muda yang menyediakan bantuan sokongan berbentuk kelengkapan penternakan, infrastruktur, bekalan ternakan dan makanan ternakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Potensi Industri Arnab Pedaging dan Fertigasi Modern di TRV di sini kelmarin.

Selain itu, Che Abdullah berkata, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu juga akan membina sebuah rumah sembelihan arnab berstatus halal di daerah Kuala Nerus.

Menurutnya, dengan suntikan bantuan dan sokongan kerajaan, industri ini diharap



Penternakan arnab mempunyai potensi besar dan mampu memberi pulangan yang lumayan.

dapat memberi persaingan sehat kepada komoditi sedia ada, seterusnya meningkatkan pendapatan penternak sehingga mampu berkembang lebih jauh.

Penanam jagung dapat RM3,500 sebulan

Oleh
SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

TANAH MERAH: Seramai 31 penanam jagung di Tanah Merah mempunyai sijil myGAP (Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Che Abdullah Mat

Nawi berkata, seramai 18 daripadanya merupakan peserta kelompok jagung Kampung Paloh.

Katanya, Jabatan Pertanian pada peringkat awal hanya mensasarkan 29 memperolehi sijil myGAP, namun jumlahnya meningkat kepada 31 orang.

"Kementerian menyokong penuh hasrat kera-

jaan negeri untuk mengaktifkan pertanian dengan tanaman jagung.

"Malah pengeluaran jagung di Kampung Paloh sebanyak 620,537 kilogram dengan nilai RM2.027 juta pada 2019," katanya ketika melawat projek tersebut Rabu lepas.

Hadir sama Adun Bukit Panau Dato' Abdul Fattah Mahmood dan pegawai Jabatan Pertanian.

Che Abdullah berkata, sehingga Julai lepas pengeluaran jagung meningkat kepada 317,821 kilogram dengan nilai RM955,836 di mana pendapatan bersih setiap peserta RM3,595 sebulan.

"Projek tanaman jagung Kampung Paloh bermula sejak 20 tahun lalu dengan peserta seramai 40 orang.

"Sekarang jumlah peserta seramai 47 orang mengusahakan tanaman jagung di kawasan seluas 30 hektar dengan sebanyak tiga pusingan setahun," ujarnya.



Che Abdullah Mat Nawi dan Abdul Fattah Mahmood tertarik jagung yang dlusahakan petani di Kampung Paloh.jpg.

NOTIS JUALAN SECARA LELONG AWAM Akta Pemegang Pajak-Gadai (81) 1972

Sandaran-sandaran yang tidak ditebus oleh Pemegang Pajak Gadai yang tersebut dibawah ini yang mana sandaran-sandaran itu telah digadaikan dalam tempoh seperti dibawah
Akan Dijual Dengan Lelong Umum

Kelantan sasaran jadi pengeluar kelapa

Sebanyak RM400,000 diperuntukkan untuk galakkan industri kelapa di negeri itu

Oleh HAZEL ENLIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kerajaan Kelantan memperuntukkan RM400,000 bagi menggalakkan peningkatan industri tanaman kelapa di negeri itu.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, peruntukan itu membabitkan 16 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)



Tuan Mohd Saripudin (tengah) bersama 30 peserta dari Parlimen Pasir Puteh di bawah Program Kelapa Al-Falah.

yang dianggarkan seluas 200 hektar di bawah Program Kelapa Al-Falah.

Bagaimanapun katanya, projek itu akan diperluaskan tahun hadapan dalam usaha untuk menjadikan Kelantan sebagai salah satu pengeluar kelapa.

“Peserta yang terlibat akan diberi pendedahan mengenai

kaedah penanaman bagi memastikan mereka berjaya mengusahakan tanaman berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anak pokok kelapa kepada 30 peserta dari Parlimen Pasir Puteh.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Norbahani Zakaria.

Beliau berkata, kesemua anak pokok kelapa membabitkan peruntukkan berjumlah RM50,000 diberikan secara percuma kepada peserta.

Katanya, antara jenis kelapa yang dibekalkan kepada peserta ialah, pandan, matag dan Malayan Yellow Dwarf.

Tuan Mohd Saripudin ber-

kata, jenis itu dikenal pasti mampu membekalkan bahan mentah untuk pelbagai industri hiliran dan tanah terbiar di negeri ini juga akan ditebus guma untuk projek penanaman kelapa.

“Kita masih berupaya mengeksport walaupun ada keberatan pada musim tertentu,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kerajaan galak usahawan muda ternak arnab



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan terus memberi galakan kepada usahawan muda untuk memperhebat penternakan arnab daging di negara ini.

PERMAISURI - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan terus memberi galakan kepada usahawan muda untuk memperhebat penternakan arnab daging di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, industri itu mempunyai potensi besar walaupun ia bukan komoditi utama negara.

"Sejak akhir-akhir ini, permintaan terhadap daging arnab semakin meningkat dan ia mampu menjadi alternatif kepada sumber protein selain lembu dan kambing.

"Penternakan arnab mempunyai pelbagai kelebihan termasuk pusingan ternakan yang singkat, kos operasi lebih rendah dan memberi pulangan yang cepat dan lumayan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Sempena Seminar Potensi Industri Arnab Pedaging dan Fertigasi Moden Untuk Usahawan Muda di Peladang Setiu Agro Resort di sini, malam tadi.

Menurutnya, populasi terkini arnab di negara ini dianggarkan berjumlah 33,701 ekor meliputi arnab pedaging dan haiwan kesayangan.

"Pengeluaran daging arnab secara purata ialah sebanyak 1,000 kilogram (kg) sebulan dengan harga jualan RM35 sekilogram. Berat arnab biasanya antara 1kg hingga 1.6kg seekor dan arnab sudah boleh disembelih pada umur 60 hingga 90 hari," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Mohd Temizi Ghazali berkata, pihaknya bersama-sama kerajaan negeri akan terus menyokong usaha kerajaan dalam memajukan industri itu menerusi pelaksanaan beberapa program khidmat nasihat serta menyediakan kursus penternakan.

"Setakat ini kami telah bantu tiga penternak berpotensi melalui Skim Agropreneur Muda dengan menyediakan bantuan sokongan berbentuk kelengkapan penternakan, infrastruktur dan makanan ternakan berjumlah RM60,000.

"JPV juga memberi bantuan baka induk sebagai pengeluar baka selain merancang membina sebuah rumah sembelih arnab berstatus halal di daerah Kuala Nerus," katanya.

Tambahnya, produk berasaskan daging arnab seperti burger, arnab perap, arnab bakar, sate arnab dan produk lain sentiasa mendapat permintaan tinggi. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2020	HARAKAH	KELANTAN	N12

RM65 juta bantu usahawan mikro

TUMPAT: Peruntukan sebanyak RM65.26 juta disediakan kerajaan melalui Skim Agro Makanan bagi membantu usahawan mikro dan komuniti B40 yang terjejas akibat Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, bantuan tersebut di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) disalurkan melalui Agrobank.

Katanya, ia memberi manfaat kepada 7,855 usahawan agro sejak dilancarkan pertengahan tahun ini.

"Peruntukan itu disediakan dalam tempoh empat bulan sejak Jun lepas," katanya ketika melawat projek usahawan agro di Kampung Kok Seraya, Wakaf Bharu dan Kampung Tasek Berangan Khamis lepas.

Agrobank turut menawarkan penyusunan semula kemudahan pembayaran usahawan yang terjejas tanpa menjejaskan status CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat) pejamin.



Che Abdullah Mat Nawi melawat kilang beras yang diusahakan empat beradik.

Che Abdullah berkata, permohonan kemudahan itu dibuka hingga Jun tahun hadapan.

Menurutnya juga usahawan yang kehilangan pekerjaan akibat Covid-19 ditawarkan program 'My Future Agro' dalam bidang agromakanan dan pertanian.

Selain itu mereka juga ditawarkan latihan di syarikat-syarikat terpilih.

Beliau yang juga ahli parlimen Tumpat berkata, syarikat di Kampung Kok Seraya

memanfaatkan pembiayaan di bawah skim berkenaan untuk membeli peralatan dan mesin serta mengubah suai kilang.

"Kilang milik bumiputera tersebut menggunakan perniagaan pemprosesan beras," ujarnya.

Menurutnya juga perniagaan terbabit diusahakan empat beradik kini meningkatkan pengeluaran beras kepada 30 tan metrik sehari berbanding 10 hingga 20 tan metrik sehari sebelum ini.

Penggunaan teknologi dron dalam pertanian di Malaysia

Oleh AZIZ MUDA

KEMUNCULAN pelbagai ciptaan teknologi merupakan sesuatu yang amat penting kepada manusia bagi meneruskan kehidupan masing-masing termasuk dalam bidang pertanian, bagi membolehkan para petani melaksanakan usaha mereka dengan lebih cemerlang, di samping meningkatkan kuantiti dan kualiti penghasilan yang lebih baik.

Senator Ustazah Nurhidah Mohd Salleh ketika mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada persidangan Dewan Negara baru-baru ini, juga tidak ketinggalan membangkitkan perkara itu untuk tindakan kerajaan.

Menerusi ucapannya itu, beliau antara lain menggesa supaya kerajaan memperluaskan penggunaan teknologi dron di dalam revolusi pertanian moden bagi memastikan bidang pertanian yang mapan, meningkatkan status pendapatan usahawan tani, meningkatkan kualiti dan hasil serta mengurangkan kos.

Menjawab gesaan itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim menerusi penggulangannya bagi kementerian pada persidangan Dewan Negara 14 September lalu menjelaskan, penggunaan teknologi baharu seperti penggunaan dron di dalam sektor pertanian merupakan salah satu inovasi di dalam merevolusikan industri pertanian.

Menurut beliau, penggunaan teknologi baharu itu bertujuan supaya para petani lebih berdaya saing di dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pertanian dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan serta ekonomi para petani secara amnya dan negara secara khususnya.



Teknologi kecerdasan buatan dan dron sebagai contoh, dapat digunakan untuk pemetaan, pengiraan bilangan pokok atau tanaman dan penyemburan racun serangga.

Penggunaan teknologi baharu seperti dron itu dapat membantu serta memperkasakan para petani ke arah pertanian moden melalui konsep pertanian pintar atau smart farming, iaitu mengintegrasikan teknologi terkini di dalam membantu para petani untuk melaksanakan pertanian dengan lebih berkesan, kos yang lebih efektif dan cepat.

"Selain itu, melalui penggunaan teknologi dron ini juga akan menarik minat lebih ramai kalangan golongan muda untuk turut terlibat di dalam sektor pertanian.

"Mosti melalui Agensi Angkasa Lepas Malaysia (MYSA) telah memulakan inisiatif penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang teknologi dron dan remote sensing semenjak tahun 2008 lagi," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa MYSA telah memulakan inisiatif mengaplikasikan teknologi dron di dalam bidang pertanian berkaitan komoditi yang dilihat berpotensi untuk diperluaskan lagi kepada jenis tanaman lain menerusi jaringan kerjasama, kolaborasi dengan institusi pertanian berkaitan.

Terkini, MYSA bersama Lembaga Lada Malaysia telah memulakan inisiatif mengaplikasikan teknologi satelit dan dron di dalam bidang pengusahaan komoditi, dengan



Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim



Senator Ustazah Nurhidah Mohd Salleh

data cerapan satelit dan dron digunakan di dalam urusan pemantauan dan pengurusan penanaman lada hitam.

Sehingga kini, dianggarkan seluas 30 ekar kawasan tanaman lada di selatan Semenanjung Malaysia telah dibuat melalui pemantauan menggunakan teknologi dron.

Katanya, di bawah Program Pengkomersialan Nano Teknologi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), Nano Malaysia Berhad telah menjalankan usahasama pintar bersama syarikat pembina dron tempatan untuk membangunkan dron yang dikuasakan oleh sel bahan api dengan sistem penjanaan hidrogen secara on board, dengan bantuan nano teknologi.

"Penggunaan sistem penjanaan hidrogen yang novel ini akan mengurangkan berat dron secara keseluruhan dan seterusnya membolehkan masa penerbangan empat kali lebih lama berbanding dengan dron konvensional yang biasa digunakan pada masa sekarang.

"National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) pada 5 Jun lalu merupakan suatu

platform bagi mempercepatkan proses penciptaan, penerimaan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan khususnya di dalam sektor pertanian melalui penggunaan teknologi dron," jelasnya.

Bagi fasa pertama pelaksanaan NTIS, beliau menjelaskan bahawa keutamaan diberikan kepada lima bidang atau sektor iaitu termasuklah sektor pertanian.

Di bawah inisiatif NTIS juga, Mosti dan badan-badan pengawal selia berkaitan Kementerian Pengangkutan (MOT), Civil Aviation Authority of Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia sedang bekerjasama untuk menambah baik serta mengkaji akta, peraturan yang sedia ada berkaitan dron bagi menggalakkan lagi perkembangan industri itu.

Beliau menjelaskan bahawa antara projek perintis NTIS itu adalah penggunaan dron di ladang kelapa sawit Iok di Kuala Selangor untuk aktiviti semburan racun serangga.

Melalui penggunaan dron tersebut, ia telah dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja warga asing serta menarik minat warga tempatan untuk bekerja di dalam sektor pekerjaan 3D iaitu kotor, bahaya dan sukar melalui

permodenan alat-alat yang digunakan itu.

Robot semburan baja dan racun serangga

Selain itu, antara projek NTIS di dalam sektor agro makanan pula adalah kerjasama strategik Mosti dan Felda untuk membangunkan dan mengkomersialkan robot semburan baja dan racun serangga, dron pemetaan dan sistem aquaculture pintar berasaskan kecerdasan buatan yang melibatkan peneroka-peneroka Felda. Teknologi tersebut kini masih perlu menjalani ujian di lapangan dan akan dibiayai melalui NTIS.

Pada masa ini, katanya, Mosti sedang membentuk satu kumpulan pakar pembangunan teknologi atau expert group technology development di dalam bidang teknologi dron.

Kumpulan pakar bagi teknologi dron yang dibentuk itu akan memberikan nasihat, pandangan berkaitan dron dan sebagai kumpulan rujukan Mosti untuk penerokaan teknologi yang berbentuk industri driven atau didorong oleh industri dan langkah memunculkan technology.

"Keahlian bagi EGTD bagi teknologi dron ini akan terdiri daripada tokoh dan pemain industri, akademi, pakar-pakar, wakil-wakil kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan pihak-pihak lain yang berkaitan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

"EGTD bagi teknologi dron yang dibentuk ini akan mencadangkan projek-projek untuk menyokong National R&D dan C&I top down programme, di samping memantau, menilai dan menyelaras keseluruhan aktiviti pembangunan teknologi strategik di dalam bidang teknologi dron selaras dengan bidang keutamaan yang digariskan di dalam rangka kerja 10 to 10 STIE, sains, teknologi, inovasi dan ekonomi," jelas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2020	HARIAN METRO	LOKAL	16



BONGKAH cendawan Boey Mushroom disusun rapi di Ladang Cendawan Boey Mushroom di Parit Haji Tahir, Jalan Bahru, Parit Buntar, Perak.

Tolak doktor, tanam cendawan

Anak muda dari Pulau Pinang tolak tawaran belajar perubatan demi cita-cita jadi petani

Parit Buntar

Bagi sesetengah pelajar sekolah, peluang bergelar doktor perubatan sesuatu yang mengujakan kerana bidang itu kerjaya profesional dipandang tinggi masyarakat namun lain pula kisahnya bagi seorang anak muda dari Pulau Pinang.

Boey Tze Zhou, 31, bukan sahaja menolak tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan sebaik usai matrikulasi.

Sebaliknya, Boey memilih menyambung pendidikan dalam program pertanian yang menyaksikan beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dalam bidang penyelidikan cendawan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Nyata keputusannya yang diinspirasi oleh seorang guru sekolahnya tidak sia-sia kerana beliau kini boleh berbangga dengan kejayaan sebagai usahawan cendawan di bawah jenama



PEKERJA Boey Mushroom, Mohamad Fazlie Azman melakukan proses penyuntikan benih ke dalam bongkah cendawan.

Boey Mushroom.

"Saya ikuti pengajian bidang pertanian dengan fokus kepada cendawan kerana saya mahu jadi petani, tetapi tidak mahu bekerja di bawah terik matahari kerana tidak suka panas.

"Selepas tamat pengajian pada 2012, saya bersama seorang kawan memulakan perniagaan dengan menanam cendawan tiram ke-

labu serta cendawan tiram putih daripada benih hasil penyelidikan sendiri," katanya di Parit Haji Tahir, Jalan Bahru, di sini.

Menurut penerima Anugerah Pelajaran Diraja Sultan Selangor ketika konvokesyen UPM pada 2013 itu, beliau dan pengasas bersama Boey Mushroom, Jacky Yip memulakan tana-



man cendawan pada skala kecil dengan pengeluaran 10 kilogram (kg) sehari di rumah dan kilang ayahnya di Butterworth tahun sama.

Katanya, selepas enam bulan, pengeluaran meningkat kepada 40kg sehari dan kini 400kg menerusi dua ladang iaitu di Juru,

Pulau Pinang dan di sini namun masih tidak mampu memenuhi permintaan.

"Keistimewaan cendawan tiram kelabu dan putih Boey Mushroom yang dijual pada harga RM16 sekilogram ini ialah lebih tebal, besar dan kenyal serta manis, dihasilkan menerusi kaedah penanaman berinovatif tanpa gangguan cuaca dan pencemaran," katanya yang memulakan perniagaan dengan sumber kewangan sendiri.

Sementara itu, Yip berkata,

buat masa ini mereka hanya mampu memasarkan Boey Mushroom di utara Semenanjung menerusi beberapa pasar raya dan 10 pengedar, selain merancang mengeluarkan produk ke-repek berasaskan cendawan pada masa akan datang.

Menurut anak jati Perak itu, kilang Boey Mushroom dibina di atas tanah seluas 2.8 hektar itu menjual benih kepada pengusaha kecil-kecilan dan jualan cendawan secara runcit selain menerima kunjungan pelanggan agro.



PENGEDAR cendawan Boey Mushroom, R Manoj Kumar (kanan) dan S Ruvraj mengambil bekal cendawan sebelum dijual kepada pelanggan.

Tze Zhou menunjukkan cendawan yang ditanam.

Keistimewaan cendawan tiram kelabu dan putih Boey Mushroom yang dijual pada harga RM16 sekilogram ini ialah lebih tebal, besar dan kenyal serta manis"

Tze Zhou